

CIRI-CIRI PERSONALITI DAN KEPIMPINAN PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN YANG IDEAL DARI PERSPEKTIF PELAJAR

Khairul Anwar Mastor

Abstrak

Kertas kerja ini melaporkan hasil kajian tinjauan mengenai pandangan pelajar mengenai ciri-ciri personaliti dan kepimpinan yang seharusnya dimiliki oleh pengetua kolej kediaman. Seramai 274 orang pelajar UKM yang menginap di kolej kediaman di dalam kampus telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka diberikan satu soal selidik yang mengandungi 31 item berskala 5 likert berkaitan dengan ciri-ciri pengetua yang digemari oleh pelajar. Analisa faktor yang dijalankan mendapati terdapat tiga faktor utama dalam pencirian sifat kepimpinan pengetua: Sifat Bertanggungjawab, Personaliti Positif dan Sokongan. Faktor Bertanggungjawab dan Personaliti Positif berkorelasi positif ($r = 0.619$). Tidak ada hubungan di antara Faktor Sokongan dengan Bertanggungjawab dan Personaliti Positif. Implikasi dan batasan kajian terhadap aspek pemilihan pengetua dibincangkan.

Abstract

This paper reports the survey on the students' perception on the personality and leadership characteristics supposedly owned by a residential principal. A total number of 274 undergraduate students living at several residential colleges in the campus were randomly selected as participants. They were given one self-designed questionnaire consisting of 31 items with 5 Likert-scale point related to the preferred characteristics of residential principal. Factor analysis indicated that three major factors underlying the characteristics of residential principal were extracted: Responsibility, Interpersonal Relation and Support. The Responsibility and Interpersonal Relation factors were positively correlated ($r = 0.619$). There was no significant relationship between the Support and Responsibility and Interpersonal Relation. The implication and limitations of the study on the selection process of the residential principal were discussed.

PENDAHULUAN

Kepentingan kolej kediaman sebagai institusi pembangunan pelajar di universiti memang telah pernah dibincang lebih 20 tahun yang lalu dalam Seminar Dasar: Pengurusan dan Fungsi Perumahan Mahasiswa – Satu Pemikiran Semula pada tahun 1985 dan 1987 lagi (HEP, 1985, 1987). Salah satu entiti penting dalam memastikan kejayaan agenda pembangunan pelajar di kolej kediaman ialah pengetua. Pengetua kolej adalah pensyarah yang dilantik oleh pihak pengurusan tertinggi universiti bagi mentadbir urus sesebuah kolej kediaman pelajar dan mengetuai agenda pembangunan pelajar. Di antara tugas-tugas pengetua yang disenaraikan oleh Bahagian Hal ehwal Pelajar, UKM ialah menjaga kebajikan pelajar, melaporkan kepada pihak Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Pelajar dan Alumni) berkaitan hal-hal pelajar, mewujudkan Jawatankuasa Tatatertib di peringkat Kolej, dan beberapa lagi tugas khusus pengetua. Tugas-tugas kepengetuaan yang dijalankan adalah tugas-tugas tambahan yang diamanahkan selain dari tugas-tugas hakiki sebagai seorang tenaga pengajar akademik di fakulti atau pusat pengajian masing-masing. Dengan ruanglingkup tugas kepengetuaan tersebut, seorang pensyarah yang sesuai dilantik sebagai pengetua seharusnya memiliki sifat pembawaan diri atau personaliti dan sifat kepimpinan yang tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan pelajar mengenai apakah ciri-ciri keperibadian atau personaliti dan kepimpinan pengetua yang diperlukan bagi seseorang pengetua yang ideal dan cemerlang.

Kepentingan Kajian

Pengetua diberi elaun sebagai satu bentuk insentif penghargaan. Pada pandangan penulis, ramai yang telah pernah menjadi pengetua menganggap elaun tersebut bukanlah menjadi faktor pendorong utama ke arah mendapatkan kedudukan sebagai pengetua. Faktor pendorong utama adalah kesukarelaan ingin berbakti dan berkhidmat untuk pembangunan pelajar di kolej kediaman. Sifat kesukarelaan ini dirujuk kepada kesediaan menjalankan tugas-tugas kepengetuaan di samping tugas-tugas hakiki akademik dan bersedia menjalani kehidupan harian di dalam persekitaran komuniti pelajar. Kesediaan ini bukannya mudah

disebabkan tanggungjawab yang diamanahkan memerlukan komitmen dan tekad yang tinggi. Institusi kolej sebagai satu dari entiti kecemerlangan mahasiswa akan akhirnya dirujuk kepada siapakah yang mengetuai kolej kediaman tersebut. Justeru itu, keperibadian atau personaliti serta sifat kepimpinan pengetua amatlah penting dalam memastikan tugas-tugas kepengetuaan dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

Pelajar adalah *client* dan *stakeholder* kepada kolej kediaman. Mereka mempunyai persepsi sendiri mengenai ciri-ciri atau sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang pengetua kolej kediaman. Merekalah yang merasai dan boleh menilai pengetua mana yang bersikap adil dalam keputusan yang dibuat, pengetua mana yang bersedia dibawa berbincang dan pengetua mana yang harus dihormati berdasarkan sifat kepimpinan dan keperibadiannya. Justeru itu, adalah penting kajian ini dijalankan untuk mendapatkan pandangan pelajar sebagai *client* dan *stakeholder*, terhadap ciri-ciri keperibadian atau personaliti dan sifat kepimpinan yang sesuai dimiliki oleh seseorang pengetua.

Kajian literatur

Setakat ini belum begitu banyak dijalankan kajian empirik mengenai ciri-ciri personaliti pengetua yang ideal dari perspektif pelajar. Amir Awang (1987) pernah membincangkan secara konseptual mengenai peranan pengetua terhadap perkembangan dan kemajuan kolej kediaman. Beliau menyentuh tentang pengetua menjalankan peranannya sebagai pendidik, kaunselor, pentadbir, *parent-surrogate*, pemimpin dan penggerak kepada perkembangan pelajar di peringkat kolej kediaman. Persepsi sebegini menunjukkan pengetua juga dianggap sebagai seorang pemimpin kepada kumpulan pelajar yang besar menginap di kolej-kolej kediaman. Pemimpin yang dihormati dan disegani biasanya memiliki ciri-ciri keperibadian dan kepimpinan yang unggul. Kajian-kajian tentang personaliti pemimpin sebenarnya telah banyak dijalankan (Daft, 1991; Hogan et al., 1994; House & Howell, 1992; Yukl, 1998) tetapi kajian tentang personaliti pengetua kolej kediaman masih kurang. Hogan et al (1994) mendapati ciri-ciri personaliti bagi pemimpin yang efektif termasuk *dependability*, *sociability*, *persistence*, *self-confidence* dan *cooperativeness*. Yukl (1998) pula mendapati keyakinan diri,

kematangan emosi, orientasi kecapaian dan integriti personal adalah penting dimiliki oleh pemimpin yang disukai dan cemerlang. Lunenberg (1990) telah menjalankan kajian mengenai personaliti sebagai angkubah prestasi kecemerlangan pengetua. Beliau mendapati pengetua yang dianggap cemerlang adalah lebih terpelajar, asertif, imaginatif, *self-sufficient* dan mesra.

Bersandarkan kepada hasil-hasil kajian terdahulu, adalah mungkin sekali pengetua yang disukai oleh pelajar adalah individu yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang positif seperti mesra dan juga berupaya menjalankan tugas secara bertanggungjawab, telus dan profesional. Pengetua berhadapan dengan pelbagai tugas yang bersangkutan dengan ehwal pelajar di kolej-kolej kediaman. Jika pengetua dipandang sebagai seorang pemimpin, maka sewajarnya pembawaan atau personaliti seseorang pengetua seharusnya mencerminkan sifat kepimpinannya, keterbukaannya dan keprofesionalannya. Peranan dan tanggungjawab ini bukannya mudah dan memberi gambaran bahawa menjadi pengetua memerlukan ciri-ciri personaliti dan sifat kepimpinan yang sesuai dengan peranan yang dinyatakan tadi.

Justeru itulah, hasil kajian ini boleh menyumbang kepada penetapan beberapa kriteria asas calon-calon pengetua yang ditentukan oleh pihak pengurusan universiti. Jika pengetua dipilih dari mereka yang memiliki sifat keperibadian atau personaliti dan sifat kepimpinan yang terpuji, proses pembangunan pelajar di kolej kediaman akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan efektif. Pengetuanya akan menjadi idola dan inspirasi kepada pelajar-pelajar di bawah pentadbirannya.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada dua persoalan-utama berikut:

1. Apakah ciri-ciri personaliti dan kepimpinan pengetua yang dipandang penting oleh pelajar-pelajar?
2. Adakah terdapat perhubungan di antara faktor-faktor personaliti dan kepimpinan tersebut?

KAEDAH

Sampel

Seramai 274 orang pelajar (101 pelajar lelaki dan 173 pelajar perempuan) dipilih secara rawak dari dua buah kolej kediaman di UKM Bangi dan Kuala Lumpur bagi mengambil bahagian dalam kajian ini. Penyertaan para pelajar adalah secara sukarela dan maklumat yang diberikan bersifat *anonymous*.

Alat Kajian

Satu soal-selidik mengenai ciri personaliti dan sifat kepimpinan pengetua telah dibina. Sebanyak 31 item telah diterbitkan hasil dari temubual awal penyelidik dengan kumpulan fokus yang terdiri dari 20 orang pelajar mengenai ciri-ciri pengetua yang ideal. Item-item ini diteliti kembali oleh dua orang pengetua dan dua orang bekas pengetua kolej kediaman dari dalam dan luar UKM. Item-item berupa kenyataan mengenai sifat, ciri personaliti atau tingkahlaku kepimpinan pengetua yang baik dan juga yang tidak sesuai. Item-item diukur mengikut skala Likert lima point dari 1 = sangat tidak bersetuju hingga 5 = sangat bersetuju.

Prosedur

Soal-selidik diedar di kalangan responden di kolej kediaman masing-masing. Maklumat demografi seperti jantina, umur, bangsa serta tempoh berada di kolej kediaman dan tahun pengajian dinyatakan oleh para responden. Masa yang diambil bagi menjawab soal-selidik berkenaan adalah sekitar 10-20 minit sahaja.

Analisa data

Data dianalisa secara deskriptif dan juga analisa statistik inferens. Analisa faktor digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang mendasari ciri personaliti dan kepimpinan pengetua. Pekali korelasi Pearson ditentukan bagi melihat hubungan di antara faktor-faktor ciri-ciri personaliti dan kepimpinan pengetua.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri pengetua yang penting mengikut keutamaan menurut pandangan pelajar keseluruhannya. Berdasarkan penskalaan Likert, skor purata menghampiri nilai 5 menunjukkan tingginya darjah kepentingan ciri yang dinyatakan. Nilai 3.00 dan ke bawah menunjukkan kurang pentingnya ciri-ciri pengetua yang terkandung dalam item yang berkenaan.

Dari susunan keutamaan yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0, adalah dapati bahawa ciri personaliti yang paling utama bagi pengetua ialah individu itu harus memiliki sifat ramah dan kasih sayang (skor = 4.71) serta hubungan baik (skor = 4.63) dengan penghuni-penghuni kolej kediaman. Ciri pengetua menjaga solat diletak di ranking ketiga (skor = 4.53) – satu keperluan ciri pengetua yang tidak boleh dipandang ringan. Ciri keempat penting ialah pengetua seharusnya bersama-sama penghuni dalam aktiviti-aktiviti kolej (skor = 4.50). Ciri pengetua yang kerap ditonjolkan oleh pelajar ialah sifat keayahandaan atau kebapaan pengetua (Skor = 4.45). Pelajar menganggap pengetua seperti bapa kepada semua penghuni yang tinggal di kolej. Lain-lain ciri yang penting pada pengetua adalah mesra memberi senyuman kepada pelajar bila bertemu, keterbukaan bersedia menerima cadangan pelajar, mengambilkira pandangan agama dalam membuat keputusan, keterbukaan dalam memaafkan kesalahan pelajar yang membuat kesalahan di kolej, bersikap neutral dan profesional dengan soal politik kampus, memberikan komitmen separuh masa bekerja di kolej, perihatin dengan menumpukan bajet bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur kolej, tidak merokok, mempunyai ijazah PhD dan lain-lain ciri penting.

**Jadual 1 : Ciri-ciri pengetua disusun
mengikut keutamaan kepentingan**

Bil	Ciri-ciri personaliti dan kepimpinan Pengetua	Skor purata
1.	Seseorang pengetua metilah mempunyai sifat ramah dan kasih sayang	4.71
2.	Pengetua harus mempunyai hubungan baik dengan pelajar	4.63
3.	Pengetua seharusnya seorang yang menjaga solatnya	4.53
4.	Pengetua harus bersama-sama penghuni dalam aktiviti-aktiviti kolej	4.50
5.	Pengetua harus cuba memahami masalah pelajar dengan ikhlas	4.47
6.	Pengetua seharusnya bersifat sebagai seorang ayah di kolej	4.45
7.	Memberi senyuman apabila bertemu dengan pelajar adalah salah satu ciri Pengetua yang baik	4.37
8.	Pengetua seharusnya bersedia menerima cadangan dari pelajar berkaitan dengan pembaikan hal-hal kebajikan pelajar di kolej	4.29
9.	Pengetua seharusnya mengambilkira nilai salah atau benarnya sesuatu keputusan mengenai sesuatu aktiviti itu dengan berlandaskan panduan agama	4.26
10.	Memaafkan kesalahan pelajar adalah sikap yang sepatutnya ada pada seseorang pengetua	3.93
11.	Pengetua seharusnya bersikap neutral dari segi kecenderungan politik pelajar yang memohon menjadi pemimpin pelajar di kolej	3.87
12.	Pengetua seharusnya memberikan separuh dari masa bekerja untuk berada di kolej bagi menguruskan hal-hal kolej	3.77
13.	Pengetua tidak seharusnya berpihak kepada mana-mana parti politik	3.74
14.	Pengetua seharusnya perlu menumpukan bajet kepada kemudahan infrastruktur kolej berbanding keperluan lain	3.71

...Bersambung

Bersambung...

15. Pengetua seharusnya boleh diajak bergurau dengan pelajar	3.63
16. Pengetua seharusnya memberi kebebasan kepada pelajarannya untuk berorganisasi di kolej	3.62
17. Seseorang yang tabiatnya suka merokok tidak sesuai menjadi pengetua	3.58
18. Pengetua tidak seharusnya campur tangan dalam politik kampus	3.29
19. Pengetua seharusnya mempunyai ijazah PhD	3.23
20. Pengetua seharusnya seorang wanita	3.20
21. Pengetua seharusnya diberi kuasa autonomi dalam membuat keputusan memilih pelajar yang memohon tinggal di kolej berkenaan	3.17
22. Pengetua seharusnya perlu mengambil tahu hal-hal peribadi pelajar-pelajarnya	3.15
23. Pengetua seharusnya seorang yang menyokong kerajaan	3.15
24. Menghukum kesalahan pelajar adalah sikap pengetua yang baik	3.06
25. Pengetua berhak menyingkirkan pelajar yang dianggap taksub kepada satu-satu pandangan	3.04
26. Pengetua seharusnya seorang yang berumur lebih dari 40 tahun	2.78
27. Pengetua seharusnya bersikap serious dengan pelajar pada setiap masa	2.71
28. Pengetua seharusnya menyokong apa sahaja pandangan HEP	2.54
29. Pengetua tidak seharusnya perlu mendengar pandangan pelajar dalam membuta keputusan berkaitan dengan kebajikan pelajar	2.11
30. Pengetua seharusnya berwatak garang	2.03
31. Pengetua seharusnya seorang yang handsome dan tampan	2.03

Dalam Jadual 1.0 juga didapati pengetua yang berwatak garang dan selalu serious tidak digemari oleh pelajar. Pengetua yang *handsome* dan tampan juga bukan merupakan ciri yang diambilkira penting oleh pelajar. Justeru itu, ada sebahagian pelajar yang beranggapan pengetua

seharusnya individu yang telah melepasi umur 40 tahun – tidak terlalu muda dan tidak terlalu tua. Pada peringkat ini sifat kebapaan pengetua mungkin terserlah.

Analisa Faktor

Analisa faktor dijalankan ke atas item-item yang di atas untuk menentukan faktor yang mendasari ciri-ciri personaliti dan kepimpinan pengetua dari pandangan pelajar. Sebanyak 17 buah item yang dikenalpasti tidak secara jelas mempamerkan ciri personaliti dan kepimpinan pengetua telah tidak dimasukkan dalam analisis. Oleh kerana itu hanya 14 item sahaja yang telah di'analisa faktor'kan dengan kaedah '*Principal Factor Component*'. Dengan kaedah *putaran varimax* ke atas komponen-komponen faktor yang diekstrak, terdapat 3 faktor utama yang mendasari ciri-ciri yang seharusnya ada pada pengetua-pengetua. Nilai Eigenvalue yang diperolehi adalah 5.642, 1.472 dan 1.183 dengan peratusan varians yang berkenaan adalah 40.3%, 10.5% dan 8.5%.

Jadual 2 menunjukkan nilai 'loading' bagi setiap item. Berdasarkan kepada kelompok item bagi setiap faktor, nama-nama faktor yang dianggap sesuai telah diberikan. Faktor 1 dinamakan faktor **Bertanggungjawab**. Faktor ke 2 dinamakan Faktor **Personaliti Positif**. Faktor ke 3 diberi nama sebagai **Sokongan**. Bertanggungjawab merujuk kepada item-item yang mencakupi bertanggungjawab dan bersedia menerima cadangan pelajar dalam hal-hal kebajikan pelajar, berusaha memahami masalah pelajar, mengambilkira pandangan agama dalam membuat keputusan, mendengar pandangan pelajar dalam hal kebajikan pelajar, dan memberikan masa dan komitmen yang lebih di kolej kediaman. Faktor **Personaliti Positif** pula mengandungi ciri-ciri personaliti pengetua seperti mempunyai sifat ramah dan kasih sayang, hubungan baik dengan pelajar, harus bersama-sama pelajar dalam aktiviti kolej, memberi senyuman mesra bila berjumpa pelajar, dan juga menjaga solat. Faktor **Sokongan** pula terdiri dari pendirian pengetua menyokong Hal-ehwal Pelajar dan sokongan pengetua kepada pihak kerajaan.

**Jadual 2 : Loading faktor mendasari ciri-ciri
pengetua menurut perspektif pelajar**

Item	Bertanggungjawab	Personaliti Positif	Sokongan
Item 33	0.834	0.110	0.057
Item 34	0.782	0.272	0.087
Item 35	0.701	0.160	0.073
Item 26	0.634	0.430	0.025
Item 15	0.538	0.399	0.022
Item 27	0.513	0.254	0.449
Item 18	0.490	0.295	0.024
Item 2	0.285	0.839	0.042
Item 6	0.152	0.835	0.014
Item 1	0.236	0.776	0.017
Item 9	0.444	0.506	0.071
Item 23	0.495	0.500	0.102
Item 19	0.149	0.019	0.830
Item 31	0.290	0.035	0.743

Faktor **Bertanggungjawab** dan **Personaliti Positif** mempunyai *shared factor loading*. Contohnya item 9 : *memberi senyuman apabila bertemu dengan pelajar adalah salah satu ciri pengetua yang baik* mempunyai *shared loading* dengan faktor Bertanggungjawab dan Personaliti Positif. Perkongsian *loading* ini bermakna pengetua harus menganggap bahawa memberi senyuman kepada pelajar apabila bertemu adalah juga satu tanggungjawab. Begitu juga dengan item 26, item 15, dan item 23. Item 26: *Pengetua yang bijak ialah pengetua yang cuba memahami masalah pelajar dengan ikhlas*. Kesungguhan pengetua memahami masalah pelajar adalah satu entiti tanggungjawab pengetua yang juga menunjukkan keperluan keperibadian positif pengetua dengan pelajar. Item 15: *9. Pengetua seharusnya mengambilkira nilai salah atau benarnya sesuatu keputusan mengenai sesuatu aktiviti itu dengan*

berlandaskan panduan agama – menunjukkan pertimbangan keputusan yang melibatkan persoalan nilai dan ketentuan panduan agama adalah kedua-duanya sifat tanggungjawab dan personaliti positif pengetua. Item 23: *Pengetua seharusnya seorang yang menjaga solatnya* – satu lagi perkongsian *loading* di antara faktor Tanggungjawab dengan Faktor Personaliti Positif. Penjagaan solat seperti menunaikan solat pada awal waktu dan solat dengan berjemaah adalah satu ciri pengetua yang membawa elemen tanggungjawab dan juga sebahagian dari keperibadian positif pengetua.

Korelasi

Analisa korelasi di antara Bertanggungjawab, Personaliti Positif dan Sokongan telah dijalankan. Jadual 3 menunjukkan pekali korelasi yang tersebut. Adalah didapati bahawa Personaliti Positif dan Bertanggungjawab mempunyai hubungan positif yang sangat signifikan ($r = 0.619$, $p < 0.01$). Hubungan ini memberi gambaran bahawa apabila pengetua mempunyai sifat mesra, kasih sayang dan perihatin terhadap kebajikan penghuninya, beliau akan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna.

Walau bagaimanapun, adalah didapati tidak ada hubungan korelasi di antara faktor Sokongan dengan Tanggungjawab dan Personaliti Positif. Ini bermakna sokongan dan kecenderungan politik pengetua kepada pentadbiran Hal-ehwal Pelajar universiti dan kerajaan tidak berkaitan dengan soal tanggungjawab dan personaliti positif pengetua. Dalam lain perkataan, pengetua harus bersikap profesional dalam menjalankan tanggungjawab terhadap pembangunan pelajar di kolej dan juga menjalinkan hubungan interpersonal yang sihat dengan pelajar. Walaupun mungkin wujud perbezaan pandangan pelajar dengan pengetua dari segi ideologi politik, pengetua harus mengekalkan ciri profesionalismenya dalam menjalankan tanggungjawab dan mengekalkan hubungan baik dengan pelajar-pelajar yang menginap di kolej kediaman. Pengekalan ciri profesionalisma ini akan membantu meningkatkan rasa hormat dan sayangkan kolej di kalangan pelajar-pelajar penghuni.

Jadual 3 : Pekali korelasi di antara faktor-faktor ciri-ciri personaliti dan kepimpinan pengetua

	Personaliti Positif	Sokongan
Bertanggungjawab	0.619**	0.140
Personaliti Positif		0.046

** $p < 0.01$

Implikasi Kajian

Kajian ini menunjukkan bahawa ciri-ciri pengetua kolej kediaman berkisar pada 3 domain utama: Bertanggungjawab, Personaliti Positif dan Sokongan. Dapatan kajian ini berguna dari segi proses pemilihan pengetua yang juga mengambilkira pandangan pelajar tentang ciri-ciri pengetua yang disukai. Terdapat tiga implikasi yang boleh dipertimbangkan.

Pertama, pengetua seharusnya dipilih dari kalangan tenaga akademik yang bersedia menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan - tugas kepengetuaan yang asasi – menjaga kebajikan pelajar dan membantu proses perkembangan pelajar di kolej kediaman. Ciri-ciri kebertanggungjawaban tersebut termasuklah menjalankan tugas dengan ikhlas, bersedia cuba memahami dan menyelesaikan masalah pelajar dengan terbuka, mengambilkira pandangan agama dalam membuat keputusan, perlu mendengar pandangan pelajar dalam hal kebajikan pelajar, dan memberikan masa dan komitmen yang lebih di kolej kediaman.

Kedua, pengetua seharusnya mempunyai ciri-ciri personaliti yang positif. Sekurang-kurangnya seseorang yang dipilih menjadi pengetua harus memiliki sifat ramah dan kasih sayang, hubungan baik dengan pelajar, harus bersama-sama pelajar dalam aktiviti kolej, dan rela memberi senyuman ikhlas bila berjumpa pelajar. Whetteh & Cameron (1998) menyatakan hubungan interpersonal sedemikian perlu bagi mengaitkan pengetua sebagai pemimpin yang dihormati dan disegani. Tambahan lagi pengetua yang mempunyai sahsiah yang baik seperti menjaga solat dan tidak merokok merupakan nilai tambah kepada ciri yang terpuji yang seharusnya ada pada kalangan pengetua.

Ketiga, pengetua seharusnya dipilih dari kalangan kakitangan akademik yang memahami misi, visi dan matlamat pendidikan Hal ehwal Pelajar dan Universiti. Bahagian Hal ehwal Pelajar UKM misalnya, meletakkan misi Ilmu Amal dan Bakti sebagai matlamat pembinaan pelajar yang berilmu, beramal dan berbakti. Universiti juga mahukan pelajar-pelajar yang tidak berfikiran sempit, inovatif dan bersedia mendepani cabaran mendatang. Sementalahan ciri-ciri bertanggungjawab dan keperibadian yang positif sedemikian adalah penting bagi seorang pengetua, sifat profesional, adil dan telus akan menambah lagi kewibawaan kepimpinan pengetua.

Batasan Kajian

Kajian ini adalah kajian awal dan belum boleh digeneralisasikan di kolej-kolej kediaman di institusi pengajian tinggi lain. Sampel kajian yang digunakan hanyalah diambil dari dua buah kolej kediaman di UKM. Jumlah sampel yang agak kecil berbanding dengan jumlah pelajar yang menginap di kolej-kolej kediaman yang lain memerlukan kajian lanjut yang mengambilkira jumlah yang lebih besar dan representatif.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi sumbangan yang bermakna kepada memahami keperluan ciri-ciri personaliti dan kepimpinan seseorang pengetua kolej kediaman. Pengetua yang ideal dari perspektif pelajar adalah individu yang bertanggungjawab dalam tugas yang diamanahkan, dan memiliki ciri-ciri personaliti yang positif. Pengetua juga perlu bersikap telus dan profesional dalam menjalankan tugas-tugas agar mereka dihormati dan dipandang tinggi oleh pelajar-pelajar. Dengan demikian, proses perkembangan pelajar di kolej-kolej kediaman akan berjalan dengan lancar di bawah kepimpinan pengetua yang berwibawa, bertanggungjawab dan berkeperibadian mulia.

RUJUKAN

- Amir Awang (1987). Peranan pengetua terhadap perkembangan dan kemajuan kolej kediaman. *Prosiding Persidangan: Kolej Kediaman Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia – Peranan dan Cabarannya*. Kamsis Tun Dr Ismail, Fakulti Perubatan, UKM anjuran Unit Perumahan dan Perkhidmatan Pelajar, UKM.
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar (1985). Pengurusan dan Fungsi Perumahan Mahasiswa – Satu Pemikiran Semula. Prosiding Seminar Dasar. Unit Perumahan & Perkhidmatan Pelajar, UKM
- Daft, R. I. (1999). *Leadership: Theory and Practice*. Orlando, FL: Dryden Press
- Hogan, R., Curphy, G. J., & Hogan, J. (1994). What we know about leadership: effectiveness and personality. *American Psychologist*, 49, 493-504
- House, R. J., & Howell, J. M. (1992). Personality and charismatic leadership. *Leadership Quarterly*, 3, 81-108
- Lunenburg, F. C. (1990). The 16PF as a predictor of principal performance: An Integration of Quantitative and Qualitative research methods. Paper presented at the *Annual Meeting of the Alumni Educational Research Association*, Boston, PA. April 16-20, 1990
- Whetteh, D. A., & Cameron, K. S. (1998). *Developing Management Skills*. Addison-Wesley:Massachusetts.
- Yukl, G. (1998). *Leadership in organizations*. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall